

Sektor Pertanian Sebagai Enjin Pertumbuhan Ekonomi

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Isu kemiskinan yang membelenggu petani dan nelayan masih belum berakhir walaupun setelah melebihi setengah abad Malaysia mencapai kemerdekaan. Cuma bezanya lebih banyak peluang pekerjaan dicipta oleh ekonomi. Maka usaha untuk keluar dari belenggu kemiskinan adalah dengan cara meninggalkan pekerjaan petani dan nelayan. Kepada yang kurang bernasib baik tidak mampu keluar dari pekerjaan tidak formal tersebut terus dilanda dengan isu kemiskinan. Para petani dan nelayan tradisi kini walaupun tidak semiskin seperti era selepas kemerdekaan, masih miskin secara relatif.

Ini terbukti dengan pelbagai subsidi dan insentif yang diberikan kepada pesawah padi, pekebun kecil getah dan nelayan di dalam Bajet 2017 yang baru dibentangkan. Ini adalah untuk membantu meningkatkan pendapatan mereka yang bukan sahaja rendah bahkan tidak menentu dipengaruhi oleh keadaan iklim dan cuaca. Isu pendapatan yang rendah di kalangan petani, pekebun kecil getah dan nelayan ini perlu di tangani secara yang lebih mapan melalui strategi menaikkan pendapatan mereka secara kekal.

Perlu diingat bahawa para petani dan nelayan merupakan golongan yang memberi makan kepada negara. Walaupun dari segi teorinya, negara boleh memilih untuk mengimport makanan yang mungkin lebih murah. Namun, kita masih perlu untuk mengeluarkan makanan sendiri sekurang-kurangnya ke satu tahap yang munasabah atas alasan keselamatan. Di mana, sesebuah negara tidak harus bergantung sepenuhnya kepada negara luar untuk membekalkan makanan.

Melalui Bajet 2017 juga, kerajaan memperuntukkan RM1.3 bilion sebagai usaha untuk mengurangkan kos barang-barang makanan melalui usaha peningkatan pengeluaran. Sementara itu, RM140 juta lagi diperuntukkan bagi menambahbaikkan pengagihan barang-barang makanan dengan menaiktarafkan 150 Agrobazaar Rakyat. Strategi ini

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

merupakan serampang dua mata – meningkatkan pengeluaran makanan sambil menambah pendapatan petani dan nelayan.

Strategi memperkasa sektor pertanian ini bukan sahaja penting untuk mengatasi isu-isu berkaitan sektor pertanian, seperti kemiskinan dan pendapatan yang tidak stabil di kalangan petani, malah ianya merupakan satu tindakan yang optimum. Teori ekonomi mengatakan bahawa pengagihan sumber yang optimum di dalam sesebuah ekonomi mestilah bergantung kepada anugerah alam. Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang kaya dengan sumber pertanian dan perikanan, maka sudah semestinya negara mempunyai kelebihan bandingan untuk dimanfaatkan dengan terus meneroka sektor ini.

Secara umumnya, sektor pertanian dan perikanan ini perlu dilihat semula secara menyeluruh bukan sahaja untuk menyelesaikan isu semasa. Malah ianya perlu dilihat sebagai sumber pembangunan ekonomi jangka panjang berdasarkan dua sebab utama. Pertama, Malaysia mempunyai kelebihan bandingan di dalam pengeluaran pertanian tropika. Kedua, pengeluaran sektor pertanian memberi nilai tambah yang tinggi kepada ekonomi. Pembangunannya perlu meliputi keseluruhan ekosistem. Bermula dari pengeluaran di peringkat industri hulu hinggalah kepada pembangunan industri hiliran yang meliputi pemprosesan, pengagihan dan sebagainya.

Antara program-program yang diberi peruntukan sebanyak RM275 juta di dalam Bajet 2017 untuk meningkatkan pendapatan rakyat termasuklah program Agropreneur. Program seperti ini perlu diteruskan untuk jangka panjang bukan sebagai usaha jangka pendek untuk mengatasi isu semasa. Para petani perlu merebut peluang ini melalui perancangan yang konkrit. Malah ianya tidak terbatas kepada petani tradisi, sebaliknya perlu juga diceburi oleh para graduan sebagai pekerjaan pilihan.

Langkah penting juga diambil oleh kerajaan dengan memberi tumpuan khusus untuk pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). 2017 diisytiharkan sebagai tahun “Penubuhan dan Promosi PKS” selari dengan kepentingan PKS dari segi sumbangan kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan pekerjaan. Pertumbuhan sektor PKS berasaskan pertanian perlu digalakkan, kerana ianya bukan sahaja penting

untuk membuka peluang pekerjaan dan memberi nilai tambah yang tinggi, tetapi juga menggalakkan pertumbuhan industri pengeluaran komoditi pertanian.

Satu anjakan paradigma adalah perlu untuk menjuruterai semula pembangunan sektor pertanian termasuk perikanan. Pengeluaran sektor ini memberi nilai tambah yang tinggi kepada ekonomi, terutama penglibatan industri hiliran. Cogan kata “pertanian adalah perniagaan” perlu diterjemahkan kepada realiti. Pembangunan sektor pertanian di Amerika Syarikat (AS) melalui revolusi yang sama. Pembangunan bidang ilmu cabang dari pertanian melihat pertumbuhan bukan sahaja bidang “perniagaan tani”, tetapi juga “ekonomi perniagaan tani” diajar di universiti-universiti. Ini bermakna, pertanian bukan sahaja dilihat dari sudut perniagaan, malah dari sudut yang lebih besar, yakni dari sudut ekonomi. Ramai dari kalangan generasi kedua petani-petani di AS yang memasuki universiti mempelajari bidang ekonomi perniagaan tani untuk menyediakan diri mereka menceburi bidang berkaitan pertanian. Pembangunan ini juga tidak wujud secara semula jadi di AS, tetapi melalui campur tangan kerajaan dengan kewujudan pelbagai dasar yang bersesuaian.

Untuk mengoptimumkan pembangunan sektor pertanian, ianya perlu dilihat secara menyeluruh. Pembangun sektor pertanian bermula dari pengeluarannya hinggalah ke industri hilirannya perlu dilihat dari perspektif makroekonomi. Segala aktiviti berkaitan, mestilah berkisar di atas dasar pengagihan sumber yang efisien di dalam ekonomi.

Usaha perlu bermula dari peningkatan kecekapan sektor awam. Jabatan-jabatan dan organisasi-organisasi kerajaan yang berkaitan mungkin perlu disemak semula dari segi pembahagian tugas dan tanggungjawab. Organisasi induk, iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani perlu melihat keseluruhan fungsi objektifnya untuk memaksimumkan keuntungan sosioekonomi dengan pengagihan sumber yang efisien.

Masalah keseluruhan yang dihadapi oleh sektor pertanian adalah berkisar di atas penggunaan sumber yang tidak efisien. Tanah-tanah pertanian tidak digunakan sepenuhnya dan para petani bekerja di bawah potensi mereka. Para cerdik pandai berkelulusan di dalam bidang berkaitan pertanian kurang menceburi bidang tersebut.

Justeru, tanggungjawab utama agensi-agensi kerajaan adalah untuk menangani masalah keseluruhan tersebut. Para agropreneur dan cendekiawan bidang pertanian perlu juga memainkan peranan untuk membantu melahirkan persekitaran yang kondusif, bertindak sebagai pemangkin untuk pertumbuhan sektor ini. Kita tidak harus membiarkan nasib petani umpama ayam kelaparan di dalam kepok padi.